

08/10/2003

Asean hormai jasa Dr M (HL)

M Thillinadan

DENPASAR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menghadiri sidang kemuncak Asean di sini, yang terakhir sebagai ketua kerajaan, diberi penghormatan tertinggi pada majlis khas yang penuh emosi, semalam.

Pada majlis itu, Presiden Indonesia yang juga Pengerusi Asean ke-9, Megawati Sukarnoputri, sebak beberapa kali ketika membacakan ucapan perpisahan dan penghargaan kepada Dr Mahathir.

Beliau yang mewakili lapan rakan sejawatannya, terpaksa berhenti tiga kali untuk menenangkan diri sebelum meneruskan ucapan.

Suasana di Auditorium Pusat Konvensyen Antarabangsa Bali (BICC) turut senyap ketika beliau sebak dan ada antara kira-kira 200 delegasi dan 300 wartawan turut menitikkan air mata.

Megawati dalam ucapannya memuji Dr Mahathir sebagai pemimpin yang dihormati, disegani, berpandangan jauh, berpengetahuan luas dan berusaha kuat untuk menjayakan wawasan Asean.

"Ini adalah sidang kemuncak terakhir bagi rakan sejawatan yang kami sayangi, seorang sahabat yang rapat dan pemimpin yang sangat dihormati oleh semua. Hari ini (semalam) kita mengambil peluang untuk mengucapkan perpisahan kepada Bapak Mahathir.

"Ia perpisahan yang aneh kerana kebijaksanaannya sebagai negarawan sudah tertanam secara mendalam dalam ingatan sehingga kami rasa beliau akan sentiasa bersama kami.

"Pencapaian mindanya adalah jauh dan luas serta dalam setiap isu yang dibawa ke hadapan kami, kami akan cuba untuk mengingat kembali apa yang pernah Dr Mahathir kata mengenainya.

"Beliau mempunyai pandangan yang kukuh dan bermaklumat serta tidak pernah ragu-ragu untuk menyuarakan perkara yang difikirkannya tidak betul," katanya disambut tepukan gemuruh delegasi.

Megawati berkata, amat sukar mengira sebanyak mana sumbangan Dr Mahathir kepada Asean.

"Oleh kerana itulah saya boleh katakan dengan yakin walaupun Dr Mahathir berpisah daripada keluarga Asean, beliau tidak meninggalkan pembabitannya dalam Asean.

"Jika pada masa depan apabila kita menghadapi cabaran yang amat besar, kita boleh berharap Dr Mahathir terus berkongsi nasihat, kebijaksanaan dan pengalaman beliau. Saya yakin kami tidak akan kecewa," katanya.

Megawati kemudian mewakili rakannya, Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra; Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong; Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai, Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen; Perdana Menteri Laos, Bounyang Vorachit dan Perdana Menteri Myanmar, Khin Nyunt, menyampaikan momento berbentuk potret mereka bersama Dr Mahathir yang diambil pada permulaan sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri dalam ucapan balasannya pula menyifatkan penghormatan yang diterimanya sebagai suatu yang istimewa.

"Saya amat terhutang budi dengan sokongan, bantuan dan lebih daripada itu persahabatan ini.

"Saya berpeluang menghadiri kebanyakan sidang kemuncak Asean dan hari ini Asean sudah lengkap dengan penyertaan semua negara Asia Tenggara dan menjadi antara pertubuhan serantau yang paling berjaya.

"Pada peringkat permulaan, Asean dilihat sebagai tidak relevan, tetapi kita sudah membuktikan Asean relevan. Ini terbukti dengan minat dan

tawaran daripada negara Timur Laut Asia dan Asia Selatan untuk mengadakan dialog dengan kita serta juga banyak negara di luar rantau ini memohon untuk menyertainya," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan Asean tidak boleh berpuas hati kerana pelbagai cabaran masih menanti.

"Untuk itu, kita memerlukan kekuatan politik dan komitmen untuk mengasuh Asean menjadi Komuniti Asean. Kita boleh belajar daripada proses yang membentuk Kesatuan Eropah (EU), tetapi saya tidak mencadangkan pembentukan Kesatuan Asean," katanya.

Dr Mahathir juga memberi jaminan sebagai negara pelopor Asean, Malaysia akan terus menjadikan Asean sebagai keutamaan dalam dasar luarnya.

Beliau juga berkata, Asean mesti terus meningkatkan hubungannya dengan Asia Timur.

"Sebuah Komuniti Asia Timur dengan Asean sebagai tonggaknya pasti akan berlaku. Jadi penting untuk kita di Asean memainkan peranan untuk mendukungnya ke arah yang betul," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan prinsip Asean, seperti tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara anggota, keputusan berdasarkan konsensus, ketahanan negara dan serantau, menghormati kedaulatan negara dan tidak menggunakan ugutan atau ketenteraan untuk menyelesaikan pertelingkahan, perlu terus dipertahankan.